



KENYATAAN MEDIA

KES POSITIF COVID-19 DI MENARA PERKESO

Kes ditangani mengikut SOP ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengesahkan bahawa terdapat kes positif COVID-19 melibatkan anggotanya di Ibu Pejabat PERKESO. Anggota berkenaan kini sedang menerima rawatan lanjut di hospital.

Susulan itu, Ibu Pejabat PERKESO serta semua pejabat dan premis perniagaan di **Menara PERKESO, Jalan Ampang** akan **ditutup** bermula **Isnin, 14 Disember hingga Jumaat, 18 Disember 2020** untuk kerja-kerja pembasmian kuman. Kes ditangani mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Di PERKESO, kesihatan dan keselamatan anggota serta pelanggan menjadi keutamaan kami. PERKESO akan terus bekerjasama dengan pihak berkuasa khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengekang penularan wabak ini dan memastikan keselamatan anggota dan pelanggan yang hadir ke bangunan PERKESO terjamin.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, boleh e-mel ke perkeso@perkeso.gov.my ATAU sila hubungi nombor careline PERKESO, **1300-22-8000**.

Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed
Ketua Eksekutif
Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
16 Disember 2020

DISCLAIMER

PERKESO tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung bagi apa-apa kerugian yang terbit dalam kontrak, tort atau sebaliknya atas penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN 2020 yang melibatkan PERKESO seperti Program Subsidi Upah, Program Pengkalan Pekerjaan dan Program Saringan Prihatin PERKESO atau program-program lain yang berkaitan dengannya dan tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung sekiranya penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan tersebut dilakukan oleh mana-mana pihak yang tidak diberi kuasa secara bertulis oleh PERKESO. PERKESO memandang serius terhadap keselamatan data peribadi dan meminta semua pihak supaya mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkait dengan perlindungan data peribadi.